


Oleh Presiden
Thomas S. Monson



Taat Kepada Iman Moyang Kita

John Linford berumur 43 apabila dia dan isterinya, Maria, dan tiga anak lelakinya membuat keputusan untuk meninggalkan rumah mereka di Gravely, England, untuk membuat perjalanan beribu-ribu batu untuk menyertai Orang Suci di lembah Great Salt Lake. Mereka meninggalkan anak lelaki mereka yang keempat, yang sedang melayani misi, menjual semua yang mereka ada, dan menaiki kapal di Liverpool bernama *Thornton*.

Perjalanan mereka ke Kota New York melalui laut, kemudian melalui darat ke Iowa, berjalan dengan lancar. Masalah bermula, apabila keluarga Linford dan Orang Suci yang lain yang belayar bersama dengan *Thornton* meninggalkan Bandar Iowa pada Julai 15, 1856, sebagai sebahagian daripada kumpulan kereta tolak James G. Willie.

Cuaca yang teruk dan perjalanan yang sukar membawa kesan kepada ramai dalam kumpulan tersebut, termasuk John. Dia kemudiannya menjadi sangat sakit dan lemah dan harus ditarik di dalam kereta tolak. Apabila kumpulan tersebut sampai di Wyoming, keadaannya sudah merosot dengan ketara. Satu kumpulan pasukan penyelamat dari Salt Lake City tiba pada 21 Oktober, hanya beberapa jam selepas perjalanan fana John berakhir. Dia meninggal awal pagi itu berdekatan dengan tebing Sungai Sweetwater.

Adakah John menyesal sebab dia telah meninggalkan keselesaan dan kesenangan untuk pergelutan, kemelaratan dan kesusahan untuk membawa keluarga dia ke Sion?

“Tidak, Maria,” dia memberitahu isterinya sebelum dia meninggal dunia. “Saya gembira kita datang. Saya tidak akan hidup untuk sampai ke Salt Lake, tetapi kamu dan anak-anak lelaki kita akan sampai, dan saya tidak

menyesal semua yang kita telah tempuhi jika anak-anak lelaki kita boleh membesar dan berkeluarga di Sion.”¹

Maria dan anak-anak lelakinya menyelesaikan perjalanan itu. Apabila Maria meninggal dunia hampir 30 tahun kemudian, dia dan John meninggalkan satu legasi iman, pelayanan, kebaktian dan pengorbanan.

Untuk menjadi seorang Orang Suci Zaman Akhir adalah untuk menjadi seorang perintis, kerana definisi seorang perintis adalah “seorang yang pergi dulu untuk menyediakan atau membuka jalan untuk diikuti orang lain.” Dan untuk menjadi perintis adalah untuk mengetahui pengorbanan. Walaupun ahli Gereja tidak lagi diminta untuk meninggalkan rumah mereka untuk membuat perjalanan ke Sion, mereka selalunya mesti meninggalkan tabiat lama, adat lama dan kawan-kawan yang dihargai. Ada yang mengambil keputusan yang menyeksakan untuk meninggalkan ahli keluarga yang menentang keahlian Gereja mereka. Tetapi, Orang Suci Zaman Akhir bergerak ke hadapan, berdoa supaya mereka yang berharga akan memahami dan menerima.

Jalan seorang perintis tidak senang, tetapi kita mengikuti jejak langkah perintis paling muktamad—iaitu—Juruselamat, yang telah pergi dulu, menunjukkan kita jalan untuk diikuti.

“Ikutlah Aku,”² Dia menjemput.

“Akulah jalan untuk mengenal Tuhan dan untuk mendapat hidup,”³ Dia mengisytiharkan.

“Datang, kepada-Ku.”⁴ Dia Panggilkan.

Jalan itu boleh menjadi mencabar. Ada orang mendapati bahawa ia adalah susah untuk menahan ejekan dan kata-kata hina dari orang yang tidak bijaksana yang mencemuhkan kemurnian, kejujuran, dan kepatuhan kepada

perintah-perintah Tuhan. Dunia ini selalu memperkecilkan kepatuhan kepada prinsip. Bila Nuh diarah untuk membina satu bahtera, penduduk dunia yang bodoh melihat ke langit yang tidak berawan dan kemudiannya mengejek dan mencemuh—sehingga hujan turun.

Di benua Amerika beberapa abad yang lalu, orang ramai ragu-ragu, bergaduh, mengingkari sehingga api menelan Zarahemla, tanah menutupi Moroniha dan air melanda Moroni. Ejekan, kutukan, bahasa kasar, dan dosa tidak ada lagi. Mereka telah digantikan oleh kesenyapan muram dan kegelapan padat. Kesabaran Tuhan sudah tamat tempoh, jadual-Nya ditepati.

Maria Lindford tidak pernah hilang imanya walaupun dengan penganiayaan di England, kesusahan perjalanan ke “tempat di mana Tuhan . . . sediakan,”⁶ dan cubaan berikutnya yang dia tempuhi untuk keluarga dia dan untuk Gereja.

Di upacara tepi kubur pada tahun 1937 yang didedikasikan kepada memori Maria, Elder George Albert Smith (1870–1951) menanya keturunan Maria: “Adakah anda akan hidup taat kepada iman moyang anda?” . . . Berusahalah untuk layak kepada pengorbanan yang [mereka] telah lakukan untuk anda.”⁷

Apabila kita berusaha membina Sion dalam hati kita, dalam rumah kita, dalam masyarakat kita, dan negara kita, ingatlah keberanian tegas dan iman kekal mereka yang memberi semua yang mereka ada supaya kita boleh menikmati berkat Injil yang dipulihkan, dengan harapan dan janjinya melalui Korban Tebusan Yesus Kristus.

NOTA

1. Lihat Andrew D. Olsen, *The Price We Paid* (2006), 45–46, 136–37.
2. *The Compact Edition of the Oxford English Dictionary* (1971), “pioneer.”
3. Lukas 18:22.
4. Yohanes 14:6.
5. Yohanes 7:37; lihat juga 3 Nefi 9:22.
6. “Mari, Mari, Orang-Orang Suci,” *Nyanyian Rohani*, no. 15.
7. Lihat Olsen, *The Price We Paid* 203–4.

MENGAJAR DARI PESANAN INI

Pertimbangkan untuk menanya mereka yang anda ajar untuk fikirkan orang dalam hidup mereka yang telah pergi sebelum mereka dan menjadi perintis untuk mereka. Kemudian tanya mereka bila mereka telah pernah menjadi perintis dan menyediakan jalan untuk orang lain. Jemput mereka untuk merenungkan masa ketika mereka pernah berkorban dan mengapa ia berbaloi. Anda kemudian boleh mencabar mereka untuk mencatat kesaksian mereka tentang “Perintis yang paling muktamad, iaitu Juruselamat”

© 2016 oleh Intellectual Reserve, Inc. Semua hak terpelihara. Dicitak di USA. Kelulusan bahasa Inggeris: 6/16. Kelulusan penterjemahan: 6/16. Penterjemahan *First Presidency Message, July 2016*. Malay. 12867 348

REMAJA

Taat kepada Iman

Presiden Monson menceritakan sebuah kisah tentang satu keluarga perintis dan kemudiannya memetik Presiden George Albert Smith: “Adakah anda akan hidup taat kepada iman moyang anda?” . . . Berusahalah untuk layak kepada pengorbanan yang [mereka] telah lakukan untuk anda.” Sama ada anda mempunyai keturunan perintis atau generasi pertama dalam Gereja, adakah anda mencari contoh iman untuk panduan dan kekuatan? Ini adalah cara bagus untuk anda mula:

1. Buat satu senarai tentang orang yang anda kagumi. Mereka boleh datang daripada ahli keluarga anda (dahulu atau sekarang), kawan, ahli Gereja, atau orang dalam tulisan suci.

2. Tuliskan kualiti yang mereka punyai yang anda suka. Adakah ibu anda seorang penyabar? Mungkin kawan anda berhati baik kepada orang lain. Mungkin anda suka keberanian Kapten Moroni.

3. Pilih satu kualiti daripada senarai anda dan tanya diri sendiri, “Bagaimana saya boleh mendapat kualiti ini? Apa yang perlu saya lakukan untuk membangunkan ini dalam hidup saya?”

4. Tuliskan pelan-pelan anda dalam membangunkan kualiti ini dan letakkannya di satu tempat yang anda akan selalu lihat, untuk mengingatkan anda tentang matlamat anda. Berdoa untuk pertolongan Bapa Syurgawi dan periksa kemajuan anda dengan kerap. Apabila anda telah membangunkan kualiti ini dengan cukup, anda boleh memilih kualiti baru untuk dibangunkan.

Ingatlah apabila kita membangunkan kualiti dalam diri kita, kita bukan sahaja menghormati iman moyang kita dan pengorbanan yang mereka lakukan, tetapi kita juga boleh menjadi pengaruh untuk kebaikan kepada mereka di sekeliling kita.

KANAK-KANAK

Anda seorang Perintis Juga!

Perintis ialah seseorang yang menyediakan cara untuk diikuti oleh orang lain.

Lukiskan gambar atau cari satu gambar seorang moyang anda. Bolehkah anda cari sebuah cerita tentang bagaimana mereka menyediakan cara untuk anda ikuti? Tuliskan dua cara anda boleh menjadi perintis pada hari ini. Anda boleh kongsi idea pada malam keluarga yang akan datang!



Potensi Kita untuk Keibubapaan

Kaji bahan pengajaran ini dan berdoa untuk mengetahui apa yang harus dikongsikan. Bagaimana pemahaman tentang “Keluarga: Suatu Perisytiharan kepada Dunia” meningkatkan iman anda kepada Tuhan dan memberkati mereka yang anda jaga melalui pengajaran berkunjung? Untuk maklumat lebih lanjut, layari reliefsociety.lds.org.

Iman, Keluarga, Pertolongan

“Ia adalah penting bahawa anak roh Tuhan mempunyai kelahiran fana dan peluang untuk maju ke arah kehidupan abadi,” kata Elder Dallin H. Oaks Kuorum Dua Belas Rasul. “Di dalam cahaya tentang sebab utama pelan kegembiraan, Saya percaya bahawa harta paling muktamad dalam dunia dan di syurga adalah kanak-kanak kita dan generasi kita.”¹

Elder Neil L. Andersen dari Kuorum Dua Belas Rasul berkata:

“Kami percaya dalam keluarga, dan kami percaya dalam kanak-kanak. . . .

“ . . . Kemudian Dia memberkati [Adam dan Hawa], dan berfirman, “Hendaklah kamu mempunyai, anak cucu yang banyak, supaya keturunan kamu menduduki seluruh muka bumi” [Kejadian 1:28]. . . .

“Perintah ini tidak dilupai atau diketepikan dalam Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir.”²

Walaupun bukan kita semua boleh menjadi ibubapa dalam hidup ini, kita boleh memupuk kanak-kanak dalam apa jua usia.

Kita menikmati berkat menjadi sebahagian daripada keluarga Bapa Syurgawi, dan kita mengalami kegembiraan dan cabaran dalam menjadi sebahagian keluarga itu. Dan untuk ramai, keibubapaan menunggu mereka di keabadian yang akan datang.

Ayat-ayat Suci Tambahan

Mazmur 127:3; Matius 18:3-5;
1 Nefi 7:1; Musa 5:2-3

Kisah Benar

“Banyak suara dalam dunia hari ini meminggirkan kepentingan untuk mempunyai anak-anak atau mencadangkan untuk melambatkan atau mengehadkan anak-anak dalam sebuah keluarga,” kata Elder Andersen. Anak perempuan saya baru-baru ini merujuk saya kepada satu blog oleh seorang ibu Kristian (bukan dari iman kita) dengan lima orang anak. Dia berkata: ‘[Membesar] dalam budaya ini, ia adalah amat susah untuk mendapat perspektif prinsip alkitab tentang keibubapaan. . . .

Kanak-kanak di bawah pangkat kolej. Semestinya di bawah melancong ke seluruh dunia. Di bawah keupayaan untuk keluar waktu malam untuk waktu lapang sendiri. Di bawah mengasah badan di gim. Di bawah sebarang pekerjaan yang kamu punyai atau harap untuk dapat.’ Dia kemudian menambah: ‘Menjadi Ibu bukan satu hobi, ia adalah satu panggilan. Kamu tidak mengumpul anak-anak sebab kamu fikir mereka lebih comel daripada setem. Ia bukan satu perkara yang kamu lakukan jika kamu ada masa. Ia adalah sebab Tuhan berikan kamu masa.’³

NOTA

1. Dallin H. Oaks, “The Great Plan of Happiness,” *Ensign*, Nov. 1993, 72, 75.
2. Neil L. Andersen, “Children,” *Liahona*, Nov. 2011, 28.
3. Neil L. Andersen, “Children,” 28.

Pertimbangkan Ini

Dalam cara apakah keluarga duniawi kita seperti keluarga syurgawi kita?